



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PERTUNJUKAN DAN PAMERAN HAIWAN



DVS/KAKH/03/2019

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PERTUNJUKAN DAN PAMERAN HAIWAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603 8888 8685
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019

Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	PIAWAIAN UMUM	4
6.1	Bentuk pertunjukan	
6.2	Bentuk pameran	
6.3	Tempat perlindungan	
6.4	Ruang	
6.5	Peralatan dan kemudahan elektrik	
6.6	Sistem saliran	
6.7	Larangan penggunaan anjing terlarang atau terhad	
7.0	NUTRISI DAN KEBERSIHAN	6
7.1	Pemakanan	
7.2	Penyediaan makanan	
7.3	Kebersihan makanan dan minuman	
7.4	Kaedah dan tempat penyimpanan makanan	
7.5	Pemberian makanan	
7.6	Pengurusan sisa buangan	
8.0	PENGURUSAN KESIHATAN	8
8.1	Pemeriksaan kesihatan dan penyediaan laporan	
8.2	Rawatan dan penjagaan veterinar	
8.3	Penerimaan haiwan baru	
8.4	Pengurusan haiwan mati	
8.5	Pengurusan penyakit berjangkit haiwan	
8.6	Kawalan makhluk perosak	

9.0	PENGURUSAN HAIWAN	10
9.1	Pengurusan persekitaran haiwan	
9.2	Reka bentuk kandang	
9.3	Kemudahan dalam kandang	
9.4	Pengendalian haiwan	
10.0	KAWALAN KESELAMATAN HAIWAN	14
10.1	Binaan kandang	
10.2	Pagar perimeter	
10.3	Pintu dan pintu perimeter	
10.4	Haiwan pemangsa	
10.5	Penghadang keselamatan	
10.6	Papan tanda	
10.7	Keselamatan binaan	
10.8	Pintu masuk keluar	
10.9	Laluan dalam kandang	
11.0	PERLESENAN AKTIVITI PERTUNJUKAN DAN PAMERAN HAIWAN	16
11.1	Prosedur permohonan dan syarat pelesenan bagi premis dan program yang melibatkan haiwan bagi tujuan pertunjukan dan pameran haiwan	
11.2	Prosedur permohonan dan syarat permit bagi pemindahan haiwan untuk pertunjukan dan pameran haiwan	
12.0	RUJUKAN	17
13.0	LAMPIRAN	18

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PERTUNJUKAN DAN PAMERAN HAIWAN

1.0 PENDAHULUAN

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) Aktiviti Pertunjukan dan Pameran Haiwan ini dibangunkan bagi memastikan semua aktiviti melibatkan haiwan yang dijalankan oleh pengendali program, pengendali haiwan, pekerja, pemilik premis dan pemunya haiwan secara beretika. Dengan adanya KAKH ini, diharap kebijakan haiwan dapat dipelihara dan peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015 dipatuhi. Oleh itu, adalah perlu untuk pengusaha mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan berikut dipenuhi iaitu:

- i. keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. keperluannya diet yang sesuai;
- iii. keperluan untuk membolehkannya memamerkan corak kelakuan yang semula jadi;
- iv. keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

KAKH Aktiviti Pertunjukan dan Pameran Haiwan ini perlu dipatuhi oleh pengendali program, pengendali haiwan, pekerja dan pemunya haiwan yang menjalankan program yang melibatkan haiwan. Semua premis yang melibatkan haiwan juga perlu mendapatkan lesen dan/atau permit serta mematuhi undang-undang pihak berkuasa berkaitan.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini ialah:

- 2.1 Memastikan kebijakan haiwan yang digunakan dalam pertunjukan, pameran dan persembahan dipenuhi.
- 2.2 Memastikan haiwan yang digunakan dalam pertunjukan, pameran dan persembahan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

- 2.3 Memastikan aktiviti pertunjukan, pameran dan persembahan mempunyai pengurusan yang sistematik.
- 2.4 Memastikan setiap haiwan yang digunakan dalam pertunjukan, pameran dan persembahan diberi layanan dengan beretika dan kebijakannya terpelihara.

3.0 SKOP

KAKH ini meliputi arahan, prosedur serta panduan bagi pengendali program, pengendali haiwan, pekerja, pemilik premis dan pemunya haiwan yang menjalankan aktiviti pertunjukan dan/atau pameran yang melibatkan haiwan.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Haiwan alfa/dominan

Haiwan yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam hierarki organisasi haiwan yang akan memimpin dan mewujudkan jaringan hubungan komunikasi antara haiwan yang sama spesies.

- 4.2 Haiwan domestik

Haiwan yang telah dipelihara oleh manusia supaya hidup dan membiak dalam keadaan jinak dan bergantung kepada manusia untuk terus hidup.

- 4.3 Pameran bergerak

Pameran bergerak adalah aktiviti pameran yang tidak mempunyai premis tetap tetapi melibatkan pemindahan haiwan, pengendali dan pekerja haiwan serta kemudahan pameran ke tempat pameran.

- 4.4 Pameran haiwan

Aktiviti pameran yang melibatkan haiwan yang mana haiwan tidak perlu melakukan sebarang aksi yang melibatkan pengendali haiwan mahir dan/atau mana-mana pemunya haiwan seperti pameran pertanian, pameran penternakan, pameran di pusat beli-belah, pertandingan kecantikan haiwan, lelongan ternakan dan lain-lain.

- 4.5 Pameran statik

Pameran statik adalah aktiviti pameran yang mempunyai premis tetap dan tidak melibatkan pemindahan haiwan, pengendali dan pekerja haiwan serta kemudahan pameran ke tempat pameran.

- 4.6 Pekerja
Mana-mana individu yang bertanggungjawab untuk menjaga dan mengurus haiwan secara beretika tanpa mengabaikan kebaikan haiwan dalam sesuatu pertunjukan atau pameran haiwan.
- 4.7 Pemilik premis
Individu yang menyediakan tempat yang sesuai bagi tujuan pertunjukan dan pameran haiwan yang telah mendapat kelulusan, permit/ lesen dari pihak berkuasa yang berkenaan.
- 4.8 Pemunya haiwan
Seperti tafsiran pemunya dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015.
- 4.9 Pengendali haiwan mahir
Mana-mana individu terlatih yang mempunyai kompetensi melatih haiwan secara beretika tanpa mengabaikan kebaikan haiwan tersebut.
- 4.10 Pengendali program
Syarikat, individu atau pemunya haiwan yang merancang, mengurus dan menyelaras sesuatu program sama ada pertunjukan atau pameran haiwan di suatu premis atau tempat yang telah mendapat kelulusan Lembaga Kebajikan Haiwan.
- 4.11 Pertandingan haiwan
Aktiviti penggunaan haiwan untuk tujuan pertandingan seperti dressage, show jumping, endurance, baka, berat, kecantikan yang mana tidak melibatkan pelagaan haiwan.
- 4.12 Pertunjukan haiwan
Aktiviti yang melibatkan haiwan melakukan aksi persembahan yang dilatih dengan bantuan pengendali haiwan mahir dan/atau mana-mana pemunya haiwan bagi sesuatu tujuan seperti sesi bergambar, promosi, pertunjukan, pembelajaran, rekreasi, lakonan, 'game show' dan lain-lain.

5 .0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
5.2 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
5.3 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

6.0 PIAWAIAN UMUM

6.1 Bentuk pertunjukan

Bentuk pertunjukan yang dibenarkan adalah aktiviti yang tidak menyebabkan haiwan mengalami sebarang kecederaan fizikal, mental, emosi dan hilang keupayaan fungsi badan atau kematian. Sebarang aktiviti yang melibatkan aksi pertunjukan haiwan mestilah dipantau rapi oleh pengendali haiwan mahir.

Jenis pertunjukan yang biasa dijalankan seperti sesi bergambar, promosi, pertunjukan, pembelajaran, rekreasi, lakonan, game show dan lain-lain.

6.2 Bentuk pameran

Setiap haiwan mesti dipamerkan dengan:

- a. menyediakan persekitaran semula jadi seboleh mungkin yang menyerupai habitatnya bagi membolehkan haiwan mempamerkan tingkah laku semula jadi;
- b. menyediakan kemudahan bagi membolehkan haiwan mempamerkan tingkah laku semula jadi;
- c. menyediakan halangan fizikal yang dapat melindungi haiwan daripada gangguan oleh pengunjung atau melindungi pengunjung daripada ancaman haiwan sebelum, semasa dan selepas aktiviti yang melibatkan haiwan berlangsung;
- d. sistem penggiliran haiwan pameran perlu dijadualkan. Giliran bagi haiwan pameran yang mempunyai interaksi berterusan dengan pengunjung hendaklah tidak melebihi 4 jam setiap giliran. Perubahan tingkah laku perlu dipantau sepanjang masa; dan
- e. panduan berinteraksi dengan haiwan pameran hendaklah dipamerkan di pintu masuk ruang pameran haiwan.

6.3 Tempat perlindungan

Setiap haiwan mesti disediakan dengan kawasan teduh, dilindungi daripada haiwan pemangsa atau terlindung daripada situasi buruk yang disebabkan oleh cuaca dan faktor alam sekitar yang lain. Tempat perlindungan haiwan mestilah berada dalam suhu yang bersesuaian dan pengudaraan yang baik.

6.4 Ruang

Ruang yang mencukupi atau berasingan perlu disediakan:

- a. bagi membolehkan haiwan mempamerkan tingkah laku semula jadi;
- b. bagi mengelakkan kelakuan agresif haiwan; dan
- c. untuk memenuhi keperluan sosial haiwan.

6.5 Peralatan dan kemudahan elektrik

6.5.1 Sebarang peralatan elektrik yang digunakan:

- a. tidak membahayakan haiwan dan manusia; serta merosakkan premis dan infrastruktur; dan
- b. tidak mengganggu aktiviti pertunjukan dan pameran.

6.5.2 Sebarang penggunaan alatkekangan elektrik terhadap haiwan adalah dilarang.

6.6 Sistem saliran

6.6.1 Saliran di kandang/sangkar haiwan mesti disediakan dengan kecerunan yang sesuai bagi membolehkan saliran air kumbahan mengalir dengan sempurna keluar dari kandang/sangkar;

6.6.2 Sistem penapisan perlu disediakan bagi mengasingkan sisa pepejal; dan

6.6.3 Penapis sisa pepejal mesti dibersihkan setiap hari.

6.7 Larangan penggunaan anjing terlarang atau terhad

Penggunaan anjing daripada baka-baka terlarang yang tersenarai dalam Lampiran 1 adalah tidak dibenarkan bagi tujuan pertunjukan dan pameran, tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa veterinar.

7.0 NUTRISI DAN KEBERSIHAN

7.1 Pemakanan

- a. Setiap haiwan perlu diberi makanan yang memenuhi keperluan diet mengikut jenis aktiviti haiwan tersebut;
- b. Sebarang pemberian makanan tambahan ke dalam makanan haiwan sedia ada perlulah mendapat nasihat dari pakar pemakanan haiwan;
- c. Makanan hendaklah segar dan tidak rosak serta bebas dari pencemaran bahan kimia dan mikroorganisma yang menyebabkan penyakit; dan
- d. Air untuk haiwan:
 - hendaklah bersih dan ditukar setiap hari di setiap kandang/sangkar;
 - hendaklah dari sumber air terawat; dan
 - disediakan sepanjang masa.

7.2 Penyediaan makanan

- 7.2.1 Tempat penyediaan makanan haiwan hendaklah:
 - a. tertutup dan terkawal
 - b. diperbuat daripada bahan yang mudah dibersihkan; dan
 - c. tidak mudah terhakis dengan bahan kimia dan/atau agen pembasmi kuman.
- 7.2.2 Penyahbekuan makanan yang dilakukan hendaklah mengekalkan nutrisi dan kualiti makanan;
- 7.2.3 Bahan kimia yang bertoksik atau berbahaya hendaklah disimpan berasingan dari tempat penyediaan makanan; dan
- 7.2.4 Bahan kimia dalam perenggan 7.2.3 tidak boleh digunakan untuk pembersihan atau pembasmi kuman yang digunakan dalam pembersihan kawasan, bekas makanan atau peralatan penyediaan makanan.

7.3 Kebersihan makanan dan minuman

- 7.3.1 Piauan kebersihan yang optimum, hendaklah dipatuhi dan melibatkan:
- a. kakitangan yang menyediakan makanan dan minuman untuk haiwan; dan
 - b. perkakas, peralatan, kemudahan yang digunakan dan tempat simpanan untuk penyediaan dan pengedaran makanan.
- 7.3.2 Kasut, apron dan alatan pembersihan yang digunakan di kawasan penyediaan makanan mesti dibersihkan sebelum dan selepas digunakan serta sentiasa dijaga kebersihannya.
- 7.3.3 Peralatan dan kelengkapan lain yang digunakan dalam menyediakan makanan dan minuman haiwan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan lain.

7.4 Kaedah dan tempat penyimpanan makanan

- 7.4.1 Bekalan makanan untuk haiwan mesti disimpan di tempat penyimpanan yang sesuai bagi menghalang daripada jangkitan kulat, makhluk perosak, dan pencemaran yang boleh menjaskankan kualiti;
- 7.4.2 Konsep *first in- first out* perlu diamalkan dalam penyediaan dan pengagihan makanan haiwan bagi mengelakkan stok bekalan yang sampai terlebih dahulu tidak digunakan;
- 7.4.3 Bahan toksik, bangkai bahan makanan yang telah rosak, tercemar dan sisa makanan tidak boleh disimpan di dalam tempat penyimpanan makanan;
- 7.4.4 Bekalan makanan mesti dikendali dan disimpan dengan cara yang meminimumkan kehilangan nutrisi; dan
- 7.4.5 Makanan beku mesti disimpan pada suhu yang tidak melebihi 4°C.

7.5 Pemberian makanan

7.5.1 Peralatan dan perkakasan yang digunakan untuk pemberian makanan dan minuman kepada haiwan:

- a. tidak boleh digunakan untuk kegunaan lain;
- b. mudah dibersihkan dan reka bentuk yang sesuai bagi mengelakkan risiko kecederaan terhadap haiwan;
- c. kedudukan dan ketinggiannya di dalam kandang/sangkar mudah diakses oleh haiwan; dan
- d. mestи dibasuh dan disimpan dalam keadaan bersih.

7.5.2 Sekiranya *self-feeder* digunakan, ianya perlu diperiksa setiap hari bagi memastikan ianya berfungsi dengan berkesan dan tidak mengandungi sisa makanan.

7.6 Pengurusan sisa buangan

Sisa buangan hendaklah dikeluarkan dan dilupuskan dari setiap kandang/sangkar haiwan sekerap yang mungkin untuk meminimumkan serangan makhluk perosak dan mikroorganisma penyebab penyakit. Sisa buangan adalah seperti berikut:

- a. sisa haiwan dan makanan;
- b. makanan yang rosak dan air yang tercemar;
- c. haiwan mati; dan
- d. sampah.

8.0 PENGURUSAN KESIHATAN

8.1 Program kesihatan dan penyediaan rekod

8.1.1 Aktiviti program kesihatan adalah merangkumi:

- a. pemeriksaan ke atas setiap haiwan yang digunakan dalam aktiviti pameran;
- b. mengasingkan haiwan yang bermasalah, sakit dan cedera di kandang/sangkar berasingan;
- c. mendapatkan rawatan daripada doktor veterinar berdaftar; dan
- d. mengambil tindakan yang munasabah bagi memulihkan kesihatan fizikal haiwan tersebut di atas nasihat doktor veterinar berdaftar.

8.1.2 Rekod pemantauan harian berkaitan haiwan perlu disediakan yang mengandungi:

a. Status kesihatan / kelakuan haiwan seperti:

- kurang selera makan atau lemah;
- distres;
- keguguran bulu;
- cirit-birit;
- keluar lelehan abnormal dari hidung;
- kecederaan atau luka terbuka; atau
- tulang patah serta kecederaan fizikal yang lain.

b. Rekod pemakanan

c. Rekod kematian

8.1.3 Haiwan perlu divaksinasi dengan vaksin asas (core vaccine) mengikut jadual seperti di **Lampiran 2**.

8.2 Rawatan dan penjagaan veterinar

8.2.1 Pemeriksaan kesihatan dan penjagaan perlu dijalankan ke atas setiap haiwan.

8.2.2 Kemudahan perlu disediakan di premis bagi membolehkan:-

- a. pemeriksaan kesihatan oleh doktor veterinar berdaftar dijalankan;
- b. penyediaan persekitaran haiwan agar sentiasa bersih dan mempunyai pengudaraan yang baik;
- c. kekangan ke atas haiwan dapat dijalankan;
- d. pemberian ubat anaestetik ke atas haiwan dijalankan oleh doktor veterinar berdaftar; dan
- e. proses 'eutanasia' ke atas haiwan dapat dijalankan oleh doktor veterinar berdaftar, jika perlu.

8.2.3 Kawasan rawatan tertutup mestilah disediakan di premis yang dibenarkan untuk penjagaan haiwan bermasalah, sakit, cedera dan haiwan yang baru sedar dari ubat sedatif.

8.3 Penerimaan haiwan baru

- 8.3.1 Haiwan yang baru diperolehi mestilah disimpan secara berasingan dan menjalani pemeriksaan kesihatan. Haiwan perlu diberi tempoh penyesuaian kepada persekitaran yang baharu sebelum diletakkan bersama gerompok haiwan lain.
- 8.3.2 Haiwan alfa/dominan perlu dikenal pasti dalam kalangan haiwan, bagi memastikan interaksi haiwan dengan pengendali haiwan terlatih semasa aktiviti pameran dan pertunjukan berlangsung.

8.4 Pengurusan haiwan mati

- 8.4.1 Pemantauan hendaklah dilakukan ke atas mana-mana haiwan yang mati bagi mengurangkan risiko jangkitan penyakit.
- 8.4.2 Mana-mana bangkai haiwan hendaklah dikeluarkan dari premis dan disyorkan dihantar untuk pemeriksaan post-mortem di mana-mana premis yang mempunyai kemudahan post-mortem terdekat dengan kadar segera.

8.5 Pengurusan penyakit berjangkit haiwan

Sekiranya haiwan telah dikenal pasti menghidap penyakit berjangkit:

- a. haiwan tersebut hendaklah diasingkan dan lantai kandang/sangkar hendaklah dinyaikhuman dengan penggunaan disinfektan yang sesuai.
- b. mendapatkan nasihat daripada doktor veterinar berdaftar.

9.0 PENGURUSAN HAIWAN

9.1 Pengurusan persekitaran haiwan

Haiwan yang digunakan untuk pertunjukan dan pameran mestilah berada dalam persekitaran yang kondusif.

- a. Pengurusan haiwan sebelum pertunjukan dan pameran haiwan adalah:

- Haiwan yang ditempatkan mestilah sihat dan mempunyai ciri-ciri yang sesuai dengan tujuan pameran.
- Haiwan bunting adalah dilarang untuk digunakan
- Hanya satu (1) ekor haiwan alfa/dominan dibenarkan dalam suatu kelompok haiwan ternakan yang terlibat dalam pertunjukan dan pameran haiwan
- Sebarang aktiviti pembiakan adalah dilarang sepanjang program berlangsung.
- Haiwan yang terlibat dalam pertunjukan dan pameran hendaklah memenuhi lima (5) keperluan haiwan dan dipantau oleh rapi oleh pekerja.
- Pengendali program perlu mendapatkan kelulusan program daripada agensi-agensi berkaitan (jika perlu).
- Pengangkutan haiwan ke tempat pertunjukan dan pameran hendaklah mampu melindungi haiwan tersebut daripada kecederaan, perubahan cuaca, gangguan persekitaran, mempunyai pengudaraan yang cukup dan suhu yang sesuai. Struktur pengangkutan mestilah kukuh dan selamat untuk mengelakkan ternakan terhimpit dan sekiranya perlu, penghadang diletakkan di antara haiwan. Rujuk Kod Amalan Kebajikan Haiwan yang berkenaan.

b. Pengurusan haiwan semasa pertunjukan dan pameran haiwan

Haiwan yang dipamer semasa pertunjukan dan pameran hendaklah diperiksa dan disahkan berada dalam keadaan sihat oleh doktor veterinar berdaftar. Pengendali program mestilah menyedia dan memastikan:

- Bilangan pekerja yang terlibat dalam program yang dijalankan adalah mencukupi.
- Pelan kecemasan hendaklah disediakan oleh pengendali haiwan sekiranya berlaku sebarang masalah seperti kemalangan, kecederaan, gangguan perjalanan program, haiwan terlepas dan lain-lain kejadian luar jangka semasa program berlangsung.
- Sekurang-kurangnya seorang pengendali haiwan mahir dan doktor veterinar berdaftar bertugas sepanjang program berlangsung. Haiwan juga perlu diperiksa oleh seorang pengendali haiwan mahir atau doktor veterinar berdaftar sebaik sahaja selepas program.
- Tiada bahaya atau halangan pada laluan haiwan daripada pengangkut ke tempat pertunjukan atau pameran haiwan.

- Pengendali program hendaklah memastikan semua pekerja yang terlibat dalam pertunjukan atau pameran haiwan mengetahui pelan lantai kawasan pameran untuk mengawal dan melindungi haiwan serta pengunjung semasa kecemasan.
 - Pengendali program perlu menyediakan pengawal keselamatan sepanjang program untuk mengawal kelakuan luar jangka pengunjung yang boleh membahayakan haiwan dan pengunjung.
 - Haiwan yang sakit perlu dirawat dan dikuarantin di kandang/sangkar khas. Sekiranya perlu, haiwan terbabit hendaklah dikeluarkan dari premis untuk rawatan susulan. Sekiranya haiwan tersebut telah disahkan tidak dapat dirawati oleh doktor veterinar berdaftar, pelupusan bolehlah dijalankan.
 - Memastikan haiwan yang terlibat dalam pertunjukan atau pameran tidak diganggu secara langsung oleh pengunjung. Sekiranya ada taklimat atau sesi bergambar pengunjung bersama haiwan, pengendali program perlu memastikan sekurang-kurangnya seorang pekerja bertugas pada masa tersebut untuk memantau haiwan tersebut.
 - Haiwan perlu diasingkan mengikut spesies, saiz badan dan peringkat umur mengikut keperluan.
 - Tempoh masa penggunaan haiwan semasa pertunjukan atau pameran haiwan yang tidak melibatkan interaksi dengan pengunjung hendaklah tidak melebihi sembilan (9) jam sehari. Haiwan akan direhatkan selama satu (1) jam bagi setiap empat (4) jam pertunjukan atau pameran haiwan.
- c. Pengurusan haiwan selepas pertunjukan atau pameran haiwan
- Haiwan perlu diperiksa dari segi fizikal dan perubahan tingkah laku sebaik sahaja program selesai bagi memastikan status kesihatan haiwan.
 - Haiwan yang disahkan sakit, cedera dan mengalami perubahan kelakuan hendaklah diberi rawatan kecemasan atau terapi pemulihan dengan kadar segera oleh doktor veterinar berdaftar.
 - Kelengkapan dan peralatan yang digunakan untuk pertunjukan atau pameran haiwan hendaklah dibersihkan, dikemas dan disimpan.

- Haiwan yang terlibat dalam pertunjukan atau pameran haiwan perlu direhatkan daripada sebarang aktiviti yang sama sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum pertunjukan atau pameran haiwan akan datang.
- Pengangkutan haiwan keluar dari tempat pertunjukan atau pameran haiwan hendaklah mempunyai ciri-ciri yang mampu melindungi haiwan tersebut daripada kecederaan, perubahan cuaca dan gangguan persekitaran yang tidak sesuai. Pengangkut ini mestilah mempunyai pengudaraan yang cukup dan suhu yang sesuai. Struktur pengangkut mestilah kukuh dan selamat untuk mengelakkan haiwan terhimpit dan sekiranya perlu, penghadang diletakkan di antara haiwan. Pemeriksaan ternakan hendaklah dibuat oleh pekerja setiap dua (2) jam bagi setiap perjalanan sehingga sampai ke destinasi.
- Pengangkutan haiwan hendaklah mematuhi Kod Amalan Kebajikan Haiwan berkaitan.

9.2 Reka bentuk kandang/sangkar

- 9.2.1 Saiz kandang/sangkar untuk penyimpanan haiwan yang disyorkan adalah seperti yang ditetapkan dalam Lampiran 3 manakala saiz kandang/sangkar yang disyorkan semasa pameran adalah seperti yang ditetapkan dalam Lampiran 4.
- 9.2.2 Kandang/sangkar hendaklah mempunyai saiz yang mencukupi agar haiwan dapat diurus untuk:
 - a. mengelakkan kelakuan agresif dalam kumpulan haiwan;
 - b. mengurangkan ketidakselesaan antara haiwan atau antara spesis;
 - c. meminimumkan perhubungan secara langsung dengan haiwan lain;
 - d. pastikan tidak melebihi kapasiti haiwan dalam sebuah kandang/sangkar; dan
 - e. mengelakkan jangkitan parasit dan patogen.
- 9.2.3 Faktor tekanan perlu diminimumkan bagi haiwan yang berada dalam kandang/sangkar.

- 9.2.4 Kandang/sangkar hendaklah:-
- menyerupai habitat sebenar; dan
 - kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dengan spesies haiwan disediakan bagi membolehkan haiwan tersebut melakukan aktivitinya.
- 9.2.5 Kawasan kering dan berair hendaklah disediakan untuk haiwan berdasarkan keperluannya.
- 9.3 Pencahayaan dan pengudaraan dalam kandang/sangkar
- 9.3.1 Pencahayaan di dalam kandang/sangkar hendaklah mencukupi bagi keselesaan haiwan tersebut dan memudahkan pengurusan serta pemeriksaan rutin.
- 9.3.2 Pengudaraan dalam kandang/sangkar haiwan hendaklah mencukupi untuk mengekalkan kesihatan haiwan serta menghindarkan bau dan kelembapan keterlaluan.
- 9.4 Pengendalian haiwan
- 9.4.1 Haiwan hendaklah dikendalikan di bawah pengawasan pengendali haiwan atau pekerja yang terlatih dan kompeten;
- 9.4.2 Faktor-faktor yang menjurus kepada ketidakselesaan dan kecederaan fizikal hendaklah dielakkan ketika mengendalikan haiwan; dan
- 9.4.3 Tempoh pengendalian haiwan hendaklah diminimumkan dan kebijakan haiwan hendaklah sentiasa diambil kira.

10.0 KAWALAN KESELAMATAN HAIWAN

- 10.1 Binaan kandang/sangkar
- Sebuah kandang/sangkar mesti dibina dengan ciri-ciri berikut:
- mempunyai spesifikasi keselamatan yang dapat menjamin keselamatan orang awam.
 - mempunyai spesifikasi yang boleh menghalang haiwan daripada melarikan diri.

- c. Tanaman/bahan lain di dalam atau berhampiran kandang/sangkar mestilah dikeluarkan jika ia boleh membantu haiwan melarikan diri.
- d. Jika melibatkan haiwan penggali (*burrowing*) dan haiwan mudah cemas (*gnawing*), kandang/sangkar hendaklah:
 - mempunyai lantai konkrit di bawah tanah yang mencukupi supaya haiwan tidak dapat melarikan diri; atau
 - mempunyai logam atau lapisan konkrit yang kukuh di bawah tanah dengan kedalaman sekurang-kurangnya satu (1) meter dan mendatar di dalam kandang/sangkar sekurang-kurangnya satu (1) meter supaya haiwan itu dapat menggali tanpa melarikan diri.

10.2 Pagar perimeter

Premis pameran haiwan selain daripada premis sementara mesti mempunyai pagar luar yang mencukupi untuk menghalang kemasukan haiwan atau orang luar ke dalam premis.

10.3 Pintu

- 10.3.1 Pintu atau pintu perimeter suatu kandang/sangkar mesti terbuka menghala ke dalam kandang;
- 10.3.2 Jika dua pintu berlapis (*double door*) digunakan, salah satu pintu laluan masuk ke dalam kandang/sangkar hendaklah menghala ke dalam; dan
- 10.3.3 Pintu masuk ke kandang/sangkar mestilah direka supaya haiwan dalam kandang/sangkar tidak dapat:
 - a. mencabut engsel dari pintu atau mengangkat pintu dorong dari landasannya;
 - b. merosakkan peranti keselamatan.

10.4 Penghadang keselamatan

Penghadang keselamatan digunakan untuk memisahkan haiwan dari orang ramai dengan halangan yang direka bentuk supaya:

- a. hubungan langsung dengan haiwan itu dielakkan; dan
- b. menghindarkan orang awam menyentuh secara langsung haiwan tersebut.

10.5 Papan tanda

Papan tanda hendaklah diletakkan bagi memberi amaran agar orang awam tidak memasuki kandang/sangkar haiwan yang boleh mengundang bahaya dan memberi makan (kecuali haiwan-haiwan tertentu sahaja di mana makanan disediakan oleh penganjur) dan mestilah diletakkan di tempat yang sesuai;

10.6 Keselamatan premis haiwan

10.6.1 Hanya pengendali haiwan, pekerja, dan doktor veterinar berdaftar sahaja yang dibenarkan masuk ke premis haiwan. Demi menjamin keselamatan pengunjung, akses kepada struktur atau bahagian premis mestilah sentiasa dikunci dan tidak boleh diakses oleh orang awam.

10.6.2 Setiap premis pertunjukan, pameran dan persembahan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti di **Lampiran 5**.

10.6.3 Setiap premis pertunjukan, pameran dan persembahan mestilah mempunyai persiapan minimum yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 6**.

11. PELESENAN AKTIVITI PERTUNJUKAN ATAU PAMERAN HAIWAN

11.1 Prosedur permohonan dan syarat pelesenan bagi premis dan program yang melibatkan haiwan bagi tujuan pertunjukan dan pameran hendaklah dirujuk kepada peraturan yang dikeluarkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

11.2 Prosedur permohonan dan syarat-syarat bagi pemindahan haiwan untuk pertunjukan atau pameran hendaklah dirujuk kepada Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia: Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan dalam Negeri.

12. RUJUKAN

- 12.1 *Agriculture.ny.gov -Small Animals Minimum Space Requirement for Dogs*
- 12.2 Buku Panduan Baka-Baka Anjing Terhad dan Terlarang di Malaysia
- 12.3 *Code of Practice for The Public Display of Exhibition of Animals, Bureau of Animal Welfare, Attwood*
- 12.4 COP for Exhibited Animals in Western Australia
- 12.5 *Guidelines on Minimum Dimension of Enclosure for Housing Exotic Animals of Different Species, Central Zoo Authority, India.* www.cza.nic.in
- 12.6 *Housing and Space Guidelines for Livestock, University of New Hampshire*
- 12.7 *New South Wales Animal Welfare Code of Practice No 5 – Dogs and Cats in Animal Establishment (1996)*
- 12.8 Recommended Minimum Animal Areas
<https://www.agriculture.gov.my/ie/media/migratIMn/Rec/Animalareasdoc.pdf>.
- 12.9 *Regulation for The Importation of Dogs and Cats from The Non-scheduled Countries into Malaysia*
- 12.10 WSAVA Vaccination-Guidelines
- 12.11 www.fao.org/docrep/004/X6529E/X6529E09.htm
- 12.12 www.therabbithouse.com/guide_size.asp.

Lampiran 1

SENARAI BAKA ANJING TERLARANG DAN TERKAWAL

BAKA ANJING TERLARANG

- (i) Akita (American Akita or Great Japanese Dogs)
- (ii) American Pitt Bull Terrier
- (iii) Dogo Argentino (Argentinean Mastiff)
- (iv) Tibetan Mastiff
- (v) Perro de Pastor Mallorquin
- (vi) Perro de Presa CanariM (Canary Dogs)
- (vii) Japanese Tosa (Tosa Inu)
- (viii) American Bulldog
- (ix) Russo-European Laika
- (x) Fila Braziliero (Brazilian Mastiff)
- (xi) Owtcharka (Russian Owtchar)
- (xii) Kai (Korean Dogs)

BAKA ANJING TERHAD

- (i) Dogue de bordeaux (French Mastiff)
- (ii) Rottweiler
- (iii) Staffordshire Bull Terrier
- (iv) Tervuren
- (v) Miniature Bull Terrier
- (vi) Groenendal
- (vii) Estrela Mountain Dog (Cao da Serra da Estrella)
- (viii) Neopolitan Mastiff
- (ix) Alaskan Malamute
- (x) Alastian, German Shepherd, Belgian Shepherd, East European Shepherd
- (xi) Malinois, Laeknois
- (xii) Rafeiro Do Alentejo (Portuguese Watchdog)
- (xiii) American Staffordshire Bull TerrierShepherd
- (xi) Malinois, Laeknois
- (xii) Rafeiro Do Alentejo (Portuguese Watchdog)
- (xiii) American Staffordshire Bull Terrier

Lampiran 2

VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Distemper	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Canine hepatitis berjangkit CAV-1 or CAV-2	MLV Inactivated	SC or IM SC or IM	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Jangkitan Parvovirus	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Bordetella	Inactivated Attenuated hidup	SC or IM IH	6-8 >2	10-12 -	14-16 -	Tahunan Dua Kali Setahun
Parainfluenza	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Leptospirosis	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

VAKSIN KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Panleukopenia (FP)	Inactivated MLV MLV IN	SC atau IM SC atau IM SC atau IM	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
Penyakit Herpervirus Type 1 (FAV-1)	MLV MLV IN	SC or IM IN	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Penyakit Calicivirus (FCV)	Inactivated MLV MLV IN	SC or IM SC or IM IN	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
Feline Leukemia (FeLV)	Inactivated	IM	8	2-3 kemudian	2-3 kemudian	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

** Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV yang tidak diluluskan pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal

Lampiran 3**SAIZ SANGKAR DAN PETAK YANG DISYORKAN**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar ini untuk maksimum 4 minggu)

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm²)
ANJING					
anak anjing (8-16 minggu) kurang dari 3 kg lebih 3 kg	6,000 6,000	60 60	50 50	4 2	1,500 3,000
dewasa (ketinggian) kurang dari 40 cm 40 - 70 cm lebih 70 cm	15,000 24,000 35,000	90 100 120	Tinggi 15cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1 1 1	10,000 12,000 17,000
dewasa (ketinggian) ibu menyusu anak menyusu	35,000	120		1	17,000 4,000
KUCING					
anak kucing (8 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	4 1	1,500
ARNAB					
anak (6 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	6 2	300 600
GUINEA PIGS	2,500	50	40	4	600
TIKUS	600	20	20	2	300
ULAR					
sehingga 100 cm 100 - 250 cm 250 - 400 cm lebih 400 cm	2,000 4,500 6,000 10,000	45 50 50 90	35 50 50 75	2 2 2 1	1,000 2,250 3,000 5,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
CICAK					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Skink untuk 30 cm panjang * untuk 50 cm panjang ** untuk 90 cm panjang ***	2,100 2,500 7,000	40 40 90	40 40 60	3 dewasa atau 10 juvana 2 dewasa atau 5 juvana 1	350 600 3,500
Monitor Lizard untuk 120 cm panjang untuk 200 cm panjang	10,000 30,000	90 150	90 120	1 1	5,000 15,000
KATAK POKOK & TANAH					
kecil besar	1,800 2,500	30 50	40 30	3 6	400 150
BURUNG SANGKAR "INDOOR"					
Saiz burung cm panjang					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
Outdoor Ukuran panjang burung (cm)					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
KURA-KURA	KEDALAMAN AIR MINIMUM				
Karapas 0 -10 cm	1,800	MINIMUM 30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Batu Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesis gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

Lampiran 4

Jenis Haiwan	Keluasan ruang lantai bagi kandang/sangkar bagi seekor haiwan
Lembu/ Kerbau	minimum 40 kaki persegi bergantung kepada saiz lembu/ kerbau
Ayam	3-4 kaki persegi
Ayam belanda	6 kaki persegi
Kuda	<i>Tie stall:</i> 45 kaki persegi atau 5' x 9' kaki persegi <i>Box stall:</i> 12' x 8' kaki persegi atau 10' x 10' kaki persegi
Arnab	44 kaki persegi dengan tapak senaman 12 kaki persegi tanpa tapak senaman
Rusa	Minimum 40 kaki persegi bergantung kepada saiz rusa Tinggi pagar: 7 – 8 kaki
Itik	Mininum 10 kaki persegi (termasuk kawasan kolam)
Burung	Mininum 15 kaki persegi bergantung kepada saiz burung
Anjing/ Kucing	60 kaki persegi dengan tapak senaman 12 kaki persegi tanpa tapak senaman

Lampiran 5

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Non adhesive dressing
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. Penlight
15. Cecair pembasmi kuman
16. Kain pembalut

Lampiran 6

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenal pasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan.
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
6. Tanda "Dilarang merokok" di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA

NOTA



www.dvs.gov.my